

PATI boleh jadi pembantu rumah melalui RTK 2.0

Putrajaya: Pengambilan pekerja asing tanpa izin (PATI) yang sedia berada dalam negara sebagai pembantu rumah, menjadi sektor baharu dibenarkan dalam Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0, yang akan dibuka semula Jumaat minggu depan.

Ini menjadikan keseluruhan lapangan sektor dibenarkan dalam lanjutan program itu yang akan berakhir pada 31 Disember 2023. Tujuan sektor lain ialah perkilangan, pembinaan, perlombongan, kuari, pengawal keselamatan, perkhidmatan, pertanian dan perladangan.

Tawaran rekalibrasi membabitkan lapangan sektor itu terbuka kepada semua pekerja asing yang tiada dokumen lengkap, termasuk PATI yang langung tiada dokumen. RTK 2.0 mengenakan syarat lebih fleksibel, namun tidak menetapkan elemen keselamatan dalam negara.

Pada 10 Januari lalu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dilaporkan berkata, kerajaan bersetuju sektor perkhidmatan khususnya pembantu rumah yang tinggal di Malaysia melebihi tempoh ditetapkan, boleh disambung pas kerja mereka untuk terus berkhidmat melalui RTK 2.0.

Sektor baharu
Pada sesi taklimat media mengenai RTK 2.0 di sini semalam, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimnee Daud, berkata terdapat sembilan negara sumber bagi pembantu rumah asing, iaitu Thailand, Kemboja, Nepal, Laos, Vietnam, Filipina, Sri Lanka, India dan Indonesia.

“Sektor pembantu rumah asing ialah sektor baharu yang ditambah, menjadikan lapangan sektor dibenarkan bagi proses pengambilan pekerja asing dalam RTK 2.0. Sektor lain ialah perkilangan, pembinaan, perlombongan dan kuari, pengawal keselamatan, perkhidmatan, pertanian serta perladangan,” katanya.

Beliau memaklumkan, lima sektor yang masih dibekukan dan tidak dibenarkan mengambil

reser-online.imi.gov.my/my-immi/main untuk tarikh janji temu serta perlu hadir bersama jumah PATI yang disenaraikan di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen di Putrajaya atau cawangan negeri.

“Semua PATI perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dengan Agensi Pemantauan dan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (FOMEMA) bagi memastikan mereka sihat dan dapat bekerja dalam sektor masing-masing.

“Sekiranya gagal pemeriksaan kesihatan, mereka perlu dihantar pulang ke negara asal. Kehilangan akan diberitahu dalam masa sehari dan selepas itu, majikan perlu membuat bayaran secara dalam talian,” katanya.

Beliau memaklumkan, yuran kalibrasi yang dikenakan sebanyak RM1,500, selain bayaran levi yang berbeza mengikut sektor dengan perladangan dan perkhidmatan membabitkan RM649, manakala pembantu rumah asing sebanyak RM410.

“Sektor perladangan, pembinaan, perlombongan, pengawal keselamatan dan perkhidmatan dikenakan levi RM1,850. Selepas semua bayaran dibuat majikan akan menerima stiker Pas Lapangan Kerja Sementara (PLKS).

“Proses kelulusan akan diberikan dalam jangka masa sehari dan selepas itu majikan perlu membuat bayaran secara dalam talian,” katanya.

Beliau turut mengingatkan majikan tidak boleh memegang pasport atau dokumen rakyat asing dan jika didapati menyimpan dokumen itu dalam jumlah yang banyak, ia adalah kesalahan mengikut Akta Anti Perdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007.

Katanya lagi, jabatan berkenaan juga tidak melantik mana-mana pihak atau ejen bagi menguruskan permohonan RTK 2.0 dan jika ada pihak mendakwa demikian, tindakan tegas akan diambil terhadap mereka.

“Majikan disarankan berurusan terus dengan Jabatan Imigresen kerana proses RTK 2.0 mudah,” katanya.

Terdahulu pada 10 Januari la-